

Suami lebihkan bekas isteri

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya tahu masalah ini memalukan namun saya tiada tempat mengadu. Saya ada masalah dengan suami yang jarak kami cukup jauh hampir 32 tahun.

Saya berusia 18 tahun dan baru menamatkan alam persekolahan sebelum mengambil keputusan berkahwin muda dengan suami.

Suami seorang duda dan mempunyai tiga anak. Kami baru melayari alam rumah tangga dan menyesuaikan diri apatah lagi dengan usia saya yang masih muda dan bersikap keanak-anakan.

Malangnya, suami hanya melayan kerenah saya pada awal perkahwinan dan kini saya tertekan kerana suami sering menggunakan alasan melihat anak-anaknya di rumah bekas isteri tanpa

memikirkan perasaan saya.

Saya tahu, saya masih baru di alam perkahwinan ini dan tentunya kurang matang dan arif dalam selok belok rumah tangga tapi suami sering mengatakan dia kurang senang melihat perlakuan saya.

Apa yang dilakukan semua tidak kena di matanya dan akhir-akhir ini saya sering dimarahi.

Suami juga sering melebihikan anak-anak dan bekas isterinya termasuk dari aspek kewangan. Apabila saya tegur, suami melenting dan menempek lak saya bersikap keanak-anakan. Suami juga sering keluar bersama anak-anak dan bekas isterinya yang pada pandangan saya memang tidak kena perlakuan itu.

Apa yang perlu saya lakukan? Apatah lagi suami makin dingin dengan saya sedangkan kami baru saja berkahwin.

**ISTERI MUDA
TERLUKA,
Kelantan**

! Dr amat gembira kerana adik mempunyai hasrat untuk mendirikan mahligai bahagia bersama kekasih hati. Sesungguhnya mendirikan rumah tangga adalah sesuatu perkara yang baik dan boleh mengelak daripada melakukan perkara tidak diingini seperti maksiat.

Masalah kewangan adalah masalah yang boleh menghalang kepada niat murni mendirikan rumah tangga. Jika ia tidak ditangani dengan baik oleh pasangan kekasih, ia boleh menggugat keharmonian cinta. Dr empati dengan masalah kewangan dialami.

Sekiranya adik serius untuk membina mahligai bahagia, usahakan sebuah majlis perkahwinan yang tidak memba-

! Setiap insan di dalam dunia ini diharapkan rumah tangga yang bahagia dan harmoni. Namun tidak semua insan yang bernasib baik. Bagaimanapun, harus diingat bahawa kita yang mampu mencorakkan kehidupan diingini. Dr. memahami masalah dan belenggu yang dihadapi adik.

Sikap suami yang seolah-olah melebihikan anak-anak dan bekas isterinya membuatkan adik berada di dalam keadaan terluka dan derita. Ini ditambah lagi dengan suami yang seolah-olah dingin sedangkan masih di alam bulan madu.

Nasihat Dr ialah berbincang dengan telus dan ikhlas bersama suami. Pilih masa yang sesuai dan berbincang dengan suami kenapa perkara ini terjadi. Beritahu kepadanya apa yang terbuku di hati dan usah takut menyelesaikan apa yang terpendam di hati.

Dalam pada itu, adik berkongsi apa yang dirasai dan tanya kepada sua-

mi apa kekurangan adik sehingga dia seolah-olah beralih arah. Perkahwinan yang sempurna perlu kepada komitmen yang mantap daripada kedua-dua belah pihak.

Komunikasi juga memainkan peranan di dalam menentukan perkahwinan yang bahagia. Jangan terlalu berbesar di dalam tutur kata bersama suami isteri. Fahami setiap kekurangan dan kelebihan yang ada dalam diri pasangan masing-masing.

Ibaratnya di dalam kehidupan berumah tangga ini seperti layang-layang. Jangan ditarik tali layang-layang ketika tegang kerana ia biasa putus tetapi kendorkan talinya apabila ia tegang supaya ia kembali kepada keadaan asal.

Berkenaan dengan nafkah yang diberikan kepada anak-anaknya pula Dr rasakan bahawa hal ini tidak perlu menjadi isu besar kerana sememangnya tanggungjawab suami adik terhadap anak-anaknya wajib dilaksanakan.



Sewajarnya adik bersyukur kerana suami tidak melepaskan tanggungjawabnya terhadap anak-anaknya dan ini memberi gambaran bahawa suami seorang yang bertanggungjawab.

Jika adik merasakan nafkah untuk adik tidak mencukupi maka berbincanglah dengan suami dalam keadaan tenang dan baik supaya apabila suami mendengarnya dia akan merasa bertanggungjawab untuk memberi.

Tetapi jangan meminta lebih dari kemampuan suami kerana ini akan membuatkan dia merasa terbeban dan berserabut dan kesannya adik akan kena tempiasnya.

Akhir kata, berbincang dan bertolak ansur adalah satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan

berumah tangga.

Sikap kompromi ini akan membawa kepada penyelesaian masalah yang baik dan tenang. Jangan terlalu cepat melatah dan menghukum apabila terjadi sesuatu perkara kerana ia akan memberi kesan yang buruk kepada kedua-dua pihak.

Fahami hati pasangan masing-masing supaya setiap keputusan yang diambil adalah adil dan sama-rata. Tidak perlu bergaduh dan bermasam muka kepada perkara yang remeh kerana ia amat merugikan masa.

Semoga adik beroleh kekuatan di dalam meneruskan hidup dan tabah dalam mengharungi dugaan rumah tangga. Terima kekurangan pasangan seadanya.

Tak cukup duit untuk kahwin

zir dan memenuhi keadaan kewangan adik. Perancangan kewangan adalah amat penting. Buat satu pelan simpanan.

Sekiranya adik berjaya mendapat nasihat dari institusi kewangan atau pakar kewangan dalam perkara ini, ia sesuatu yang baik. Sekiranya tidak, banyak buku yang boleh m e m -

beri panduan dalam mengurus kewangan. Sikap jimat cermat boleh membantu adik dalam mengurus simpanan untuk tujuan perkahwinan dengan baik.

